

# Dunia gelandangan dan penyalahgunaan dadah



Mohd Azirul Ismail  
(Sarjana Kaunseling  
Penyalahgunaan Dadah -  
Speciality Program for Alcohol  
and Drug Abuse (SPADA) Usim)

DI SIANG hari, Kuala Lumpur kelihatan sebagai sebuah ibu negara Malaysia yang pesat membangun dengan rakyatnya sibuk membereskan urusan kerja masing-masing. Namun pada malamnya di sisi gelap Bandaraya Kuala Lumpur ini jelas kelihatan kelompok-kelompok manusia yang tidak berumah ini mendiami 'istana malam' mereka di bawah jambatan serta di tepi-tepi premis perniagaan yang sudah tamat waktu perniagaannya. Golongan gelandangan ini wujud disebabkan pelbagai faktor seperti masalah ekonomi, permasalahan psikologi, isu dengan keluarga serta kegagalan mencari pekerjaan apabila berhijrah ke ibu kota menjadi penyumbang permasalahan ini.

Masyarakat Malaysia amat stereotaip dalam melihat golongan gelandangan sebagai mereka yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah disebabkan kehidupan mereka yang tidak terurus. Banyak perkara yang tidak jelas dan agak misteri apabila mempersoalkan berkenaan golongan ini. Siapa mereka? Asal usul? Di mana keluarga? Apakah sumber rezeki mereka? Namun soalan yang paling sukar ditanya tentu sekali kenapa mereka menjadi gelandangan? Sering kali jawapan yang diterima akan meruntun hati dan sanubari penyoalnya. Apa tidaknya, kerana terdapat kanak-kanak malahan bayi yang seawal usia mereka itu sudah menjadi gelandangan. Hakikatnya terdapat peratusan tinggi menunjukkan gelandangan ini berhadapan kesukaran dalam menghadapi penyalahgunaan dadah namun penagihan ini harus dilihat sebagai satu penyakit yang memerlukan rawatan dan sesi kaunseling bagi membantu kepulihannya mereka. Penyalahgunaan dadah boleh dikatakan sebagai punca munculnya golongan gelandangan dan juga akibat menjadi gelandangan.

Kewujudan faktor risiko yang tinggi dalam kehidupan gelandangan ini dapat dilihat semasa penulis menyertai sukarelawan dari sebuah NGO memberi bantuan

makanan dan bertanya khabar kepada gelandangan ini di sekitar ibu kota. Ternyata kehidupan mereka yang terdedah kepada tekanan dalam meneruskan kehidupan seharian boleh menjerumuskan ke dalam penyalahgunaan dadah. Lebih membimbangkan, desakan hidup ini pula akan menyebabkan mereka berisiko menjadi pengedar dadah demi mendapatkan wang yang mudah tanpa memikirkan akibatnya kepada diri dan keluarga mereka jika sesuatu terjadi kepada kelak. Namun dalam kebanyakan situasi, penyalahgunaan dadah adalah kesan daripada menjadi gelandangan dan bukanlah sebaliknya. Golongan gelandangan ini akan mengambil dadah dan alkohol untuk menyesuaikan diri dengan keadaan yang mereka alami. Penggunaan dadah ini adalah cubaan mereka untuk memperolehi kelegaan sementara dalam menghadapi masalah mereka. Namun realiti yang mereka harus sedari, ketagihan kepada bahan ini hanya akan mengurangkan keupayaan mereka untuk mendapatkan pekerjaan tetap yang akan membawa ke arah kehidupan yang lebih baik. Ada juga gelandangan ini yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan alkohol semata-mata kerana mahu diterima dalam komuniti gelandangan. Pelbagai pihak di Kuala Lumpur, Kuantan, Melaka dan Ipoh telah mengambil pendekatan untuk membantu mereka yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah ini seperti menyediakan penempatan sementara mereka pada siang hari untuk mereka berteduh dan menguruskan diri serta turut menyediakan perkhidmatan sesi kaunseling. Namun yang paling utama dalam isu ini adalah untuk melihat usaha berterusan dari pihak kerajaan dalam memastikan gelandangan berkurangan. Bukannya dengan mendenda mereka bagi mengurangkan jumlah kerana cukuplah mereka terhukum dengan kesusahan dan kedaifan hidup yang mereka alami tetapi dengan membantu mereka mencari pekerjaan agar mereka dapat keluar dari kepompong bawah jambatan ini. Kita

tidak mahu mereka ini terus wujud kerana setiap insan seharusnya tinggal di rumah yang pastinya menjadi faktor pelindung. Pencegahan itu sentiasa lebih baik daripada pemulihan. Psiko-pendidikan juga boleh membantu dalam pencegahan dadah. Antara program yang dilaksanakan Pusat Penyelidikan Penyalahgunaan Dadah Asia, Usim ialah *The International Drug Prevention and Rehabilitation Conference (PREVENT 2015)* pada 23 November - 24 November ini di Akademi Koreksional Malaysia, Pulau Langkawi.

